

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 NOVEMBER 2016

Mahathir dahulu serang Najib

Um-9/11/2016

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Tun Dr. Mahathir Mohamad seharusnya sedar bahawa beliau dan konco-konconya yang memulakan serangan peribadi terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Disember 2014.

Penganalisis politik, Raja Petra Kamarudin berkata, bekas Perdana Menteri itu perlu memahami penyokong-penyokong Najib tidak akan berdiam diri sahaja.

Menurut beliau, gerakan menjatuhkan Najib yang diketuai Dr. Mahathir juga tidak menunjukkan belas kasihan sehingga tergamak menyerang isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan anak-anak mereka.

"Najib tiada pilihan selain 'bertempur' mengikut peraturan yang ditetapkan oleh gerakan tersebut.

"Kini, Dr. Mahathir dan konco-konconya terpaksa menghadapi situasi sama seperti yang mereka lakukan terhadap Najib sejak dua tahun lalu," katanya melalui portal Malaysia

Today, <http://www.malaysia-today.net> malam tadi.

Sementara itu, Raja Petra melalui portal sama hari ini meminta bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah menjelaskan sebab sebenarnya beliau meletak semua jawatannya dalam kerajaan dan parti.

Beliau turut mempersoalkan sama ada Ahmad Husni berbuat demikian atas kepentingan rakyat atau kepentingan peribadinya sendiri.

"Ahmad Husni mahu menjadi Menteri Kewangan jadi apabila Najib menjelaskan perkara itu tidak akan berlaku malah beliau akan ditukar ke kementerian lain, Ahmad Husni marah dan seterusnya meletak jawatan," katanya.

Walau bagaimanapun, Raja Petra memberitahu, sebahagian besar penyokong pakatan



RAJA PETRA

pembangkang tidak tahu perkara itu dan menjulang Ahmad Husni sebagai wira semata-mata kerana beliau memburuk-burukkan Perdana Menteri.

Beliau berkata, Ahmad Husni sendiri mempunyai skandal peribadi termasuk dakwaan gangguan seksual sekali gus menjadikan Ahli Par-

limen Tambun itu tidak layak untuk mengugut kerajaan.

"Ahmad Husni juga dipercayai kecewa setelah gagal dalam usahanya melobi untuk mendapatkan projek sambungan Lebuhraya Pantai Baharu (NPE) yang dianggarkan bernilai RM2 bilion," jelasnya.

Baru-baru ini, Ahmad Husni enggan mengulas lanjut tentang dakwaan Raja Petra itu ketika ditemui pemberita selepas majlis ceramah khas anjuran Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM) di Shah Alam, Selangor.